



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## KENYATAAN MEDIA

### SERAMAI 82,092 CALON MENDAPAT TAWARAN PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DI 20 UNIVERSITI AWAM

---

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengucapkan penghargaan kepada calon lepasan Matrikulasi, STPM, Asasi, STAM, Diploma/ Setaraf yang telah mengemukakan permohonan melanjutkan pengajian ke 20 Universiti Awam (UA) menerusi UPUOnline®.

Pada tahun ini, KPT telah menerima 107,875 permohonan yang layak bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda menerusi UPUOnline®. **Seramai 82,092 calon (76.10%) telah ditawarkan tempat bagi melanjutkan pengajian.**

Secara keseluruhannya, **sebanyak 1,146 program pengajian Ijazah Sarjana Muda telah ditawarkan bagi sesi kali ini.** Kemasukan pelajar ke institusi-institusi tersebut dibuat berasaskan **prinsip meritokrasi dengan menyusun semua calon yang layak mengikut markah merit tertinggi hingga terendah.**

Kepada calon yang tidak mendapat tawaran tempat pengajian, Kementerian kini telah membuka saluran peluang kedua melalui proses rayuan di UPUOnline® dalam tempoh **10 hari, bermula daripada 14 Ogos 2026, jam 12.00 tengah hari sehingga 23 Ogos 2026, jam 5.00 petang.**

Pihak Kementerian mengucapkan selamat maju jaya kepada semua calon yang berjaya dan semoga peluang menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi digunakan sebaiknya.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
14 OGOS 2026**